

18/06/2001

Pemuda bantah dasar buka pintu

Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno Johor membantah dasar buka pintu Umno untuk menerima kemasukan bekas ahli Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) berketurunan Cina ke dalam parti itu.

Wakil pergerakannya, Pandak Ahmad, berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno perlu melihat semula perkara itu kerana ia bertentangan dengan prinsip dan perlembagaan Umno.

Beliau berkata, secara prinsipnya Umno ditubuhkan untuk menjadi wadah parti yang dominan kepada bangsa Melayu.

"Perjuangan menuntut kemerdekaan menjadi lambang kepada bangsa Melayu bahawa Umno yang menjadi wadah supaya Tanah Melayu diberi taraf sebagai negara berdaulat dan merdeka.

"Secara tidak langsungnya bangsa Melayu dapat membuktikan bahawa mereka mampu membawa dan membentuk kerajaan mengikut acuan mereka dan di sini letaknya peranan yang dimainkan Umno.

"Apabila kepemimpinan tertinggi parti mula membuka Umno kepada bangsa bukan Melayu seolah-olah kita sendiri lupa bahawa Datuk Onn Jaafar sendiri pernah berhasrat membuka keahlian Umno kepada bukan Melayu tetapi ia ditentang oleh ahli Umno termasuk Tunku Abdul Rahman.

"Natijah daripada sejarah ini membuktikan bahawa Umno wujud bukan atas kekuatan orang lain tetapi di atas kekuatan diri sendiri. Kita tidak seharusnya menggadaikan prinsip yang telah kita sendiri pertahankan sejak awal penubuhan Umno," katanya berucap mewakili Pergerakan Pemuda Umno sempena Konvensyen Umno negeri di Hotel Eden Garden di sini, hari ini.

Akhbar sebelum ini melaporkan kebenaran kepada kaum Cina di Sabah menyertai Umno hanya terhad kepada ahli parti Akar berikutan pembubaran parti itu pada 21 Mei lalu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik, berkata kebenaran itu keistimewaan khas diberikan kepada bekas ahli Akar bagi membolehkan mereka menyertai Umno.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu khas untuk itu saja (ahli Akar), bukan terbuka kepada semua kaum Cina di Sabah.

Pandak yang juga Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda Umno negeri, berkata kepimpinan sekarang perlu melihat arah perjuangan parti dengan mengambil kira prinsip yang dipegang selama ini.

(END)